

25/06/2003

MMA sambut baik syor semak gaji

KUALA LUMPUR: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menyambut baik cadangan Kementerian Kesihatan menyemak semula gaji dan elaun khas kakitangan perubatan kesihatan awam.

Presidennya, Datuk N Arumugam, berkata semakan semula itu sepatutnya sudah lama dilaksanakan kerana sudah beberapa kali dibangkitkan persatuan.

Malah, katanya, isu itu ditimbulkan pada mesyuarat agung tahunan ke-43 MMA di Putrajaya yang turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan lalu.

"Nampaknya Kementerian Kesihatan memberi perhatian serius cadangan kita dan mahu membawa ke Kabinet itu membincangkannya," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau mengulas hasrat Kementerian Kesihatan untuk menghantar memorandum ke Kabinet tidak lama lagi bagi membolehkan elaun khas 397 kakitangan perubatan kesihatan awam berkelulusan sarjana diseragamkan dengan elaun pakar perubatan klinikal di sektor awam.

Semalam, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, dilaporkan berkata, kini kakitangan perubatan kesihatan awam terbabit hanya mendapat 70 peratus daripada jumlah elaun yang diterima kumpulan pakar perubatan klinikal.

Katanya, ada perbezaan elaun ketara kedua-dua kumpulan itu. Sejak 3 April 2000, Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan Kementerian Pendidikan mengenal pasti kumpulan kakitangan kesihatan awam yang berkelulusan peringkat sarjana dalam bidang kesihatan awam juga mempunyai kelayakan yang sama seperti kumpulan pakar perubatan.